

VISUAL DAN PEMBERITAAN PERANG DALAM MEDIA DI MALAYSIA

NORMAH MUSTAFFA, NURUL AIN A. HAMID, FARIDAH IBRAHIM, FAUZIAH AHMAD & MOHD HELMI ABD RAHIM_____

ABSTRACT VISUAL AND WAR REPORTING IN MALAYSIAN MEDIA

Visual plays an important role in trying to relay messages effectively in a world where facts are not always sufficient to convince audience. Through visuals, personal perceptions can be seen in different perspectives in order to make reasoned judgments. In war reporting, portrayals of visuals are often highlighted in various positive, negative or neutral forms. Relatively whatever forms portrayed, positive, negative or neutral, will register a certain interpretation in the mind of audiences. Thus this research aims to identify visuals used in war reporting in local media. Content analysis method was used to evaluate news on Israel – Palestinian war as highlighted in two mainstream newspapers, *Utusan Malaysia* and *The New Straits Times*. Research results revealed that *Utusan Malaysia* portrayed more visual graphics in reporting war compared to *The New Straits Times*. The visuals given were related to the news highlighted. Apart from that, both newspapers often used visual source from foreign agencies such as AP, AFP and Reuters. Visual reporting is able to relay convincing evidence as visuals will always portrays the truth.

Keywords: *interpretation, perception, message, audience, news*

PENDAHULUAN

Media sering melaporkan berita-berita peperangan yang berlaku di seluruh dunia. Walaupun negara kita tidak mengalami peperangan, liputan tentang peperangan di luar negara sering mendapat perhatian media di Malaysia. Berita-berita peperangan yang disiarkan sering disertakan dengan visual yang bertujuan untuk memberi gambaran sebenar apa-apa yang berlaku di negara-negara yang mengalami peperangan. Pemaparan visual ini sering ditonjolkan dalam pelbagai bentuk sama ada positif, negatif ataupun neutral dalam pemberitaan perang (Mohd. Rajib &

Faridah, 2008). Tanpa visual media ini, tidak ada sesiapaupun yang mengetahui apa-apa yang berlaku di seluruh dunia, siapa yang berperang dan bagaimana ramai manusia yang menderita. Ini ialah peranan media yang memberikan maklumat lengkap tentang negara-negara yang berperang dan tanpanya, setiap rakyat dalam negara tersebut akan ketinggalan (Mohd. Rajib & Faridah, 2008).

Dalam persekitaran berita, visual menggambarkan “keaslian”, “kredibiliti” dan “kenyataan” sesuatu berita serta memberi gambaran kepada khalayak pembaca seolah-olah mereka sedang menyaksikan “sesuatu dengan mata mereka sendiri” (Brosius, Donsbach, & Birk, 1996: 181). Dalam hal ini, media berperanan menonjolkan visual yang sesuai untuk dipaparkan dengan berita yang disiarkan. Visual itu bukan sahaja berupaya menarik perhatian khalayak, malah menjadi pelengkap untuk memudahkan khalayak memahami berita peperangan yang dibaca. Visual yang disiarkan biasanya memaparkan individu atau sekumpulan individu atau sebuah negara dalam keadaan positif atau negatif atau sesuatu arah lain yang difikirkan sesuai. Pemaparan visual negatif atau positif tentang individu, negara ataupun kumpulan mungkin membina satu persepsi di dalam minda khalayak dan kadang-kadang pendapat ini terbentuk akibat membaca atau mendengar maklumat yang telah dilaporkan melalui media massa (Faridah Ibrahim & Rahmah Hashim, 1996: 67).

Walau bagaimanapun, perlu dijelaskan bahawa hanya visual yang berkaitan sahaja yang mempunyai kesan positif ke atas memori seseorang khalayak (Duschastel, 1978). Ini menunjukkan bahawa tidak semua visual yang dapat memberi kesan ke atas sesuatu berita. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa terdapat tiga hubungan utama antara berita dengan visual, iaitu pertindihan (*redundant*), pelengkap (*complementary*) dan penambahan (*supplementary*) (Willows & Houghton, 1987). Pertindihan merujuk kepada persamaan kandungan yang disiarkan dalam teks dan visual, iaitu setiap satunya menjelaskan berita yang sama dan mengulangi idea utama. Pelengkap pula dicirikan dengan kandungan yang berbeza dalam teks dan visual yang setiap satunya diperlukan untuk memahami idea utama. Penambahan pula merujuk kepada kandungan yang berbeza dalam teks dan visual dengan satu elemen adalah dominan dalam menjelaskan idea utama manakala satu elemen lagi menjelaskan apa-apa yang dibicarakan dalam elemen yang dominan tersebut.

Selaras dengan hubungan visual-teks ini, satu tindakan yang berhati-hati perlu diambil dalam pemilihan visual dan cara ia digunakan. Ward (2002) mencadangkan bahawa keputusan utama yang perlu dibuat tentang sesebuah visual ialah apa yang sepatutnya terkandung di dalamnya, bentuk dan saiz visual berkenaan. Seseorang jurugambar menentukan apa-apa yang sepatutnya terdapat dalam visual dengan beberapa alasan, iaitu nilai berita, nilai artistik, warna dan bentuk, manakala editor pula menentukan apa-apa yang patut terkandung dalam visual berasaskan kepada berita dan keseluruhan kandungan sesuatu halaman akhbar. Frost (2003: 115) mencadangkan bahawa sekiranya editor mahu menarik perhatian khalayak kepada sesuatu halaman, mereka boleh melakukannya dengan menggunakan unsur visual seperti gambar yang besar, tajuk yang besar, bentuk dan saiz yang berbeza atau penggunaan warna yang terang. Penggunaan bentuk yang berbeza dalam sesuatu halaman juga mempunyai unsur dramatik dan menarik perhatian khalayak untuk melihat halaman berkenaan.

Menurut Evans (1978: 69), pemilihan sesuatu visual yang hendak disertakan dengan berita perlu melalui tiga tahap, iaitu animasi, saling berkaitan dan kedalaman makna. Animasi bukan bermakna pergerakan, tetapi aktiviti, iaitu visual yang seolah-olah “hidup” yang berupaya menarik khalayak untuk lebih menerokainya. Saling berkaitan membantu menjelaskan apa-apa yang berlaku, menambah dan menyokong sesuatu berita. Kedalaman makna sesuatu visual pula menyokong berita dengan menambah maklumat dan juga membawa unsur emosi untuk membantu khalayak pembaca menjiwai berita berkenaan.

Terdapat bukti bahawa visual dalam teks memenuhi pelbagai peranan. Duchastel (1978) melihat visual sebagai memenuhi tiga peranan utama, iaitu menarik perhatian (*attentional*), penjelasan (*explicative*) dan penyimpanan (*retentional*). Berdasarkan tiga peranan ini, kesan sesuatu visual boleh dijelaskan dalam tiga cara, iaitu (1), visual boleh menarik perhatian khalayak; (2), visual boleh membantu khalayak memahami maklumat yang sukar difahami dalam berita; dan (3), visual berupaya mengurangkan kadar keterlupaan sesuatu maklumat (mungkin disebabkan oleh proses enkod tambahan dalam visual).

Dalam konteks pemberitaan, jenis visual yang berupaya menarik perhatian dan membantu pemprosesan sesuatu teks adalah penting. Gambar minat ramai yang kerap digunakan oleh wartawan berupaya menarik perhatian khalayak untuk melihat dan membaca keseluruhan berita manakala grafik informasi dapat membantu khalayak memproses dan memahami sesuatu berita dengan lebih jelas.

Sargent (2005) mencadangkan dua kategori visual yang mempengaruhi pendedahan kepada sesuatu berita. Kedua-dua kategori visual itu ialah *image affect* dan *image specific*. *Image affect* merujuk kepada imej yang boleh melahirkan emosi atau reaksi yang menyebabkan khalayak tertarik untuk melihat dan membaca teks, manakala *imej specific* pula merujuk kepada kepadatan sesuatu imej yang memerlukan fokus yang mendalam dan mengambil masa pendedahan yang lama untuk memproses imej tersebut.

Berdasarkan kedua-dua kategori visual yang dikemukakan oleh Sargent (2005), kajian ini akan mengenal pasti visual yang sering dipaparkan dalam pemberitaan perang yang dilakukan oleh media di Malaysia. Penggunaan unsur visual dalam pemberitaan perang perlu diteliti dengan lebih mendalam agar maklumat yang hendak disampaikan kepada khalayak dapat difahami dengan mudah. Menurut De Wolk (2001), sekiranya terdapat unsur visual dalam berita, maka berita itu harus mempunyai kaitan dengan visual supaya khalayak dapat menghubungkaitkan kedua-dua elemen ini. Jika visual tidak selari dengan teks berita, maka tumpuan khalayak akan beralih kepada visual dan menolak teks. Akibatnya, visual itu akan mengelirukan pembaca dan akhirnya wujud kegagalan dalam penyampaian berita atau mesej kepada khalayak pembaca.

PEMBERITAAN PERANG ISRAEL-PALESTIN

Peperangan Israel-Palestin mendapat liputan menyeluruh dari pihak media dan reaksi yang pelbagai dari seluruh pelusok dunia. Dunia mengecam tindakan yang tidak berperikemanusiaan ini. Malaysia tidak ketinggalan melaporkan peperangan ini demi menyampaikan maklumat terkini tentang apa-apa yang berlaku ketika itu.

Tragedi peperangan Israel-Palestin yang melanda sejak 27 Disember 2008 disebabkan oleh pertikaian antara dua kumpulan mengenai tuntutan kawasan tanah yang sama (lihat Rajah 1). Krisis politik dalaman Palestin sebenarnya telah lama terpendam. Hal ini berikutan kejayaan Hamas menubuhkan sebuah kerajaan pakatan dengan Fatah yang menjadi kemenangan perjuangan Islam di bumi Palestin.

Namun begitu, rejim Zionis dan Amerika Syarikat tidak berpuas hati dengan kemenangan tersebut. Hakikatnya mereka tidak akan menerima sebuah negara yang diperintah oleh Hamas yang ingin menegakkan syariat Islam. Oleh itu, apa-apa yang berlaku disebabkan oleh rejim Zionis dan Amerika Syarikat yang merancang dan melakukan pelbagai usaha untuk melumpuhkan kerajaan pimpinan Hamas yang dianggap pengganas dan seterusnya cuba memadamkan api perjuangan umat Islam di bumi Palestin.

Rajah 1:

Peta menunjukkan kedudukan Palestin dan Israel



Sumber: Wikipedia (en.wikipedia.org/wiki/Image:Israel_and_occupied_territories_map.png)

Krisis kemanusiaan di Palestin yang dilukiskan sebagai yang terburuk di dunia sekarang ini mengakibatkan sekurang-kurangnya 1,054 nyawa terkorban, termasuk 355 kanak-kanak dan 100 wanita manakala lebih 4,870 lagi mengalami kecederaan telah mengundang keprihatinan mendalam daripada masyarakat antarabangsa (*Utusan Malaysia*, 16 Januari 2009). Konflik yang berlarutan itu ternyata sukar dipadamkan, bahkan terus melarat sehingga ke hari ini. Apatah lagi, setakat ini tiada tanda akan berakhirnya konflik tersebut.

Justeru, gambaran peperangan ini dapat dirungkaikan melalui penonjolan visual dalam media yang menggambarkan kehancuran dan kesengsaraan angkara

peperangan. Penonjolan visual peperangan pada amnya tidak semua yang bersifat positif atau negatif. Adakala sesetengah pihak sengaja memanipulasi media untuk tujuan memburukkan-burukkan imej seseorang atau negara. Hal ini dihadapi oleh kebanyakan negara membangun yang berpunca daripada aliran maklumat yang tidak seimbang.

Persoalan yang timbul ialah sejauh manakah berita-berita ini memaparkan imej-imej perang dalam kejadian peperangan yang sebenarnya dan apakah peranan media dalam melaporkan berita peperangan ini? Sebagai salah satu elemen dalam pemberitaan perang, adalah wajar visual yang disertakan dalam berita-berita peperangan Israel-Palestin ini diteliti untuk mengenal pasti peranan dan kepentingannya dalam sesebuah berita perang.

OBJEKTIF KAJIAN

Dalam meneliti hubungan antara visual dengan pemberitaan perang ini, objektif utama kajian adalah untuk mengenal pasti perkara berikut:

- Jenis-jenis visual dalam pemberitaan perang yang disiarkan dalam akhbar *Utusan Malaysia* dan *New Straits Times*.
- Penggunaan sumber visual dalam kedua-dua akhbar.
- Perkaitan antara visual dengan teks berita dalam akhbar *Utusan Malaysia* dan *New Straits Times*.

METODOLOGI

Analisis kandungan digunakan sebagai kaedah mengumpul data untuk kajian ini kerana kaedah ini adalah yang terbaik untuk mengesan agenda yang ditetapkan oleh akhbar. Kaedah ini membolehkan para pengkaji membuat penilaian agenda yang tersurat secara sistematik, objektif serta mengukur sesuatu yang nyata seperti yang diutarakan oleh sarjana dalam bidang tersebut (Berelson, 1952; Faridah & Mohd Safar, 2006). Kajian ini menganalisis isi kandungan dua akhbar utama di Malaysia, iaitu *Utusan Malaysia* dan *New Straits Times*. Akhbar-akhbar ini dipilih kerana memiliki pengedaran yang paling tinggi sebagai akhbar berbahasa Melayu dan berbahasa Inggeris. Selain teks, fokus utama adalah pada visual yang dipaparkan dalam berita peperangan Israel-Palestin yang mengambil masa selama 22 hari dari bermulanya peperangan iaitu 27 Disember 2008 sehingga berlakunya gencatan senjata kedua-dua belah pihak pada 20 Januari 2009.

HASIL KAJIAN

Secara keseluruhan, bilangan berita berkaitan peperangan Palestin-Israel yang disiarkan oleh kedua-dua akhbar, iaitu *Utusan Malaysia* dan *New Straits Times* adalah sebanyak 63.0% (116 berita) dalam akhbar *Utusan Malaysia* dan 37.0% (68 berita) dalam akhbar *New Straits Times* (lihat Jadual 1).

Jadual 1:

Jumlah Berita Peperangan Palestin-Israel dalam *Utusan Malaysia* dan *New Straits Times*

Akhbar	Jumlah Berita	Peratus (%)
<i>Utusan Malaysia</i>	116	63.0
<i>New Straits Times</i>	68	37.0
Jumlah	184	100

Ini menunjukkan bahawa akhbar *Utusan Malaysia* lebih banyak menyiarkan berita mengenai peperangan Palestin-Israel berbanding akhbar *New Straits Times*. Secara keseluruhannya akhbar *Utusan Malaysia* memberikan liputan yang lebih dan meluas terhadap pemberitaan perang.

Jenis visual dalam pemberitaan perang yang disiarkan dalam akhbar *Utusan Malaysia* dan *New Straits Times*

Berdasarkan Jadual 2, didapati penggunaan visual begitu diutamakan dalam menyiarkan berita terhadap peperangan. Daripada 184 buah berita yang dikaji, sebanyak 147 buah berita mempunyai visual iaitu 86 (58.5%) dalam akhbar *Utusan Malaysia* dan 61 (41.5%) dalam akhbar *New Straits Times*; dan 37 buah tidak menggunakan visual dalam berita peperangan tersebut.

Jadual 2:

Kekerapan Penggunaan Gambar dalam Kedua-Dua Akhbar

Akhbar	Ada Gambar	%	Tiada Gambar	%
<i>Utusan Malaysia</i>	86	58.5	30	81.1
<i>New Straits Times</i>	61	41.5	7	18.9
Jumlah	147	100	37	100

Jadual 3:

Jenis Gambar dalam Pemberitaan Perang dengan Kedua-dua Akhbar

Jenis Gambar	<i>Utusan Malaysia</i>	%	<i>New Straits Times</i>	%
<i>Image affect</i>	50	43.1	30	44.1
<i>Image specific</i>	36	31.0	31	45.6
Tiada gambar	30	25.9	7	10.3
Jumlah	116	100	68	100

Dari segi jenis gambar pula, kategori jenis gambar yang dikemukakan oleh Sargent (2005), iaitu *image affect* dan *image specific* digunakan. *Image affect* merujuk kepada gambar-gambar yang menunjukkan emosi pelaku seperti kemarahan, kesedihan, kemusnahan, dan kematian, manakala *image specific* pula merujuk kepada carta, graf, peta, jadual dan ilustrasi yang membantu mengukuhkan berita yang disiarkan.

Jadual 3 menunjukkan bahawa akhbar *Utusan Malaysia* banyak menggunakan gambar jenis *image affect*, iaitu 50 (43.1%) berbanding gambar jenis *image specific*, iaitu sebanyak 36 (31.0%). Bagi akhbar *New Straits Times* pula, gambar jenis *image specific* lebih banyak digunakan, iaitu sebanyak 31 buah berita (45.6%) berbanding gambar jenis *image affect*, iaitu 30 (44.1%).

Penggunaan sumber visual dalam akhbar *Utusan Malaysia* dan *New Straits Times*

Jadual 4 menunjukkan akhbar *Utusan Malaysia* paling banyak menggunakan sumber visual daripada AP (The Associate Press) dan AFP (*Agence-France Presse*) dalam pemberitaan perang iaitu masing-masing sebanyak 29 berita (25.0%), manakala akhbar *New Straits Times* pula lebih banyak menggunakan sumber daripada Reuters iaitu 23 berita (33.8%). Tiada visual yang diperoleh daripada sumber Bernama.

Jadual 4:
Sumber Visual Perang dalam Kedua-dua Akhbar

Sumber	<i>Utusan Malaysia</i>	%	<i>New Straits Times</i>	%
AP	29	25.0	22	32.4
AFP	29	25.0	11	16.2
Reuters	20	17.2	23	33.8
Bernama	0	0	0	0
Staf akhbar sendiri	3	2.6	0	0
Agensi	0	0	3	4.4
Tiada berkaitan	35	30.2	9	13.2
Jumlah	116	100	68	100

Perkaitan antara visual dengan teks berita dalam akhbar *Utusan Malaysia* dan *New Straits Times*

Daripada 184 berita perang yang disiarkan dalam kedua-dua akhbar, didapati bahawa hanya 74 buah berita (40.2%) sahaja yang mempunyai kaitan dengan visual yang digunakan bersama berita-berita tersebut. Dalam akhbar *Utusan Malaysia*, visual yang mempunyai kaitan dengan berita adalah sebanyak 39 (33.6%) dan visual yang tidak mempunyai kaitan dengan berita adalah sebanyak 12 (10.3%). Dalam akhbar *New Straits Times* pula, visual yang mempunyai kaitan dengan berita adalah sebanyak 35 (51.5%) dan visual yang tiada kaitan dengan berita sebanyak 15 (22.1%). Kedua-dua akhbar juga kerap menggunakan *stand alone picture*, iaitu 46 (25.0%) berbanding berita sahaja tanpa visual iaitu 37 (20.1%) (lihat Jadual 5).

Jadual 5:

Perkaitan antara Visual Perang dengan Teks Berita dalam Kedua-dua Akhbar

Perkaitan imej dengan teks berita	<i>Utusan Malaysia</i>	%	<i>New Straits Times</i>	%	Jumlah
Teks sahaja	30	25.9	7	10.3	37
Imej berkaitan dengan teks berita	39	33.6	35	51.5	74
Imej tiada kaitan dengan teks berita	12	10.3	15	22.1	27
Imej sahaja (<i>Stand alone picture</i>)	35	30.2	11	16.2	46
Jumlah	116	100	68	100	184

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa akhbar *Utusan Malaysia* lebih banyak menyiarkan berita mengenai peperangan Palestin-Israel dan menggunakan gambar dalam beritanya berbanding *New Straits Times*. Ini menunjukkan bahawa akhbar *Utusan Malaysia* lebih bertanggungjawab dalam mengetengahkan isu-isu sosial yang melibatkan masyarakat sama ada dalam ataupun luar negara. Namun begitu, ini tidak bermakna bahawa akhbar *New Straits Times* tidak bersifat prihatin terhadap isu ini cuma jumlah pelaporannya kurang sedikit berbanding *Utusan Malaysia*.

Akhbar-akhbar di Malaysia, terutama *Utusan Malaysia* dan *New Straits Times* menyiarkan berita-berita peperangan berserta dengan gambar. Keadaan ini selaras dengan kenyataan Brosius, Donsbach dan Birk (1996) bahawa visual dapat menggambarkan keaslian sesuatu berita dan memberi gambaran kepada khalayak seolah-olah mereka sedang menyaksikan sesuatu dengan mata mereka sendiri. Dalam konteks ini, peperangan yang berlaku adalah jauh dari negara kita tetapi media cuba mendekatkannya dengan menyiarkan visual-visual peperangan yang pasti apabila melihatnya, kita akan merasakan seolah-olah peperangan itu berlaku di depan mata kita sendiri. Ini menunjukkan peranan visual yang dapat memberi gambaran dan maksud yang jelas terhadap mesej yang hendak disampaikan kepada khalayak.

Jika dilihat dari jenis gambar pula, visual yang digunakan dalam akhbar *Utusan Malaysia* lebih banyak menggunakan *image affect* berbanding akhbar *New Straits Times* yang banyak menggunakan *image specific*. *Image affect* iaitu visual-visual yang menggambarkan emosi pelaku utama sebenarnya berupaya menimbulkan kesedaran, keinsafan dan membuatkan khalayak menjiwai emosi yang sedang mereka lihat. Jika emosi kesedihan tentang kematian dan kemusnahan yang dipaparkan dalam visual peperangan tersebut, kita sebagai pembaca pasti tersentuh dan turut sama merasakan apa yang dirasakan oleh pelaku dalam visual tersebut. Visual jenis *image affect* ini dapat menagih simpati masyarakat di samping menarik perhatian mereka untuk membaca keseluruhan berita yang disiarkan bersama dengan visual berkenaan.

Kebanyakan berita peperangan ini diperoleh daripada agensi berita antarabangsa tetapi media di Malaysia sering mendapatkan bekalan daripada AP dan AFP seperti di *Utusan Malaysia* dan Reuters di *New Straits Times*. Tiada sebarang berita yang diperoleh daripada agensi berita tempatan iaitu Bernama. Hanya 3 berita (2.6%) sahaja diperoleh daripada staf akhbar *Utusan Malaysia*. Ini bermakna majoriti berita peperangan Israel-Palestin yang mengalir di negara kita ini diperoleh daripada agensi berita antarabangsa. Namun timbul persoalan di sini, apakah tidak wujud bias dalam laporan berita tersebut? Jawapannya mungkin wujud bias pada laporan berita tetapi tidak terhadap visual yang dipaparkan kerana visual tidak dapat menyembunyikan apa yang sebenarnya berlaku. Inilah kelebihan utama visual yang kadangkala tidak mampu digambarkan dengan kata-kata.

Isu bias ini juga mungkin tidak begitu penting kepada khalayak di Malaysia kerana setiap berita yang disiarkan dalam akhbar disertakan dengan gambar yang dapat menjelaskan apa yang sebenarnya berlaku. Daripada 184 berita perang yang dikaji, 74 daripadanya menyiarkan berita yang mempunyai kaitan dengan visual yang dipaparkan dan hanya 27 berita sahaja yang tidak mempunyai kaitan dengan visual yang disertakan. Selainnya 46 *stand alone picture* dan 37 teks berita sahaja tanpa visual. Ini menunjukkan bahawa visual berpengaruh dalam menjelaskan sesuatu fenomena yang tidak dapat dijelaskan dengan kata-kata.

Secara rumusannya, visual adalah penting dalam berita-berita peperangan. Visual dapat memberi gambaran sebenar tentang apa yang berlaku kerana peperangan dan kehancuran itu tidak berlaku di sini dan sekiranya tidak disertakan dengan visual-visual yang berkaitan, ia amat sukar untuk digambarkan dalam minda khalayak. Pemilihan visual yang hendak disertakan dengan berita perlu diberi perhatian kerana visual itu seharusnya menjadi pelengkap kepada berita dan bukan sesuatu yang hanya sekadar hiasan sahaja.

RUJUKAN

- Baran, S.J. & D. K. Davis. 1995. *Mass Communication Theory*. Belmont, CA: Wadsworth Publishing.Co.
- Berelson, B. 1952. *Content Analysis in Communication Research*. New York: Free Press.
- Brosius, H. B., W. Donsbach, & M. Birk. 1996. How do text-picture relations affect the informational effectiveness of television newscasts. *Journal of Broadcasting and Electronic Media*, 40, 180-195.
- De Wolk, R. 2001. *Introduction to Online Journalism*. London: Allyn and Bacon.
- Duchastel, P. 1978. Illustrating instructional texts. *Educational Technology*, 18, 36-39.
- Evans, H. 1978. *Pictures on a Page: Photojournalism, Graphics and Picture Editing*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Faridah Ibrahim & Rahmah Hashim. 1996. *Images of women and human rights: A content analysis of Malaysian media during the Fourth World Conference on Women in Beijing*. Kertas kerja IAMCR Conference, Sydney, Australia, 19-22 August.
- Faridah Ibrahim & Mohd. Safar Hasim. 2006. *Penggunaan Sumber dalam Media Cetak dan Elektronik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Frost, C. 2003. *Designing for Newspapers and Magazines*. London: Routledge.

- Mohd Rajib Ab Ghani & Faridah Ibrahim. 2008. Media stereotyping: Reporting war and terrorism. Dlm. *Media ethics: Global dimension*, ed. Nirmala Rao Khadpekar, 139-156. New Delhi: Icfai University Press.
- Sargent, S. L. 2005. Image effects on selective exposure to computer-mediated news stories. <http://www.elsevier.com/locate/comphumbeh>, accessed 2 October 2010.
- Ward, M. 2002. *Journalism Online*. Oxford, UK: Focal Press.
- Willows, D. M., & Houghton, H. A. 1987. *The Psychology of Illustration I: Basic Research*. New York: Springer.